



Peraturan GPL

Panduan Peruncit



GRADING • PACKAGING • LABELLING
PengGredan • Pembungkusan • Pelabelan




GPL				
Nama Keluaran Pertanian	<i>Bawang</i>			
Gred	Extra class	Class I	Class II	
Saiz	1	2	3	4
Asal	<i>India</i>			



GPL			
Nama Keluaran Pertanian	<i>Avokado</i>		
Gred	Extra class	Class 1	Class 2
Count	30		
Asal	<i>Australia</i>		



GPL			
Nama Keluaran Pertanian	<i>Lemon Lunjut</i>		
Gred	Premium	1	2
Size	<i>M</i>		
Asal	<i>Mexico</i>		



GPL			
Nama Keluaran Pertanian	<i>Tomato</i>		
Gred	Premium	1	2
Size	<i>M</i>		
Asal	<i>Cameron Highland</i>		

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa-apa cara pun sama ada secara digital, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak FAMA.

PENAFIAN:

Walaupun segala penelitian telah diambil dalam penyediaan buku dan maklumat dalam penerbitan ini, tiada jaminan sama ada nyata atau tersirat diberikan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ataupun Kerajaan Malaysia tentang kesempurnaan dan ketetapan maklumat yang diberi, dan FAMA ataupun Kerajaan Malaysia tidak bertanggungjawab atas apa-apa kesilapan atau ketinggalan yang mungkin berlaku.

Disedia dan diterbitkan oleh:

Bahagian Regulatori
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
Bangunan FAMA Point, Lot 17304
Jalan Persiaran Satu, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan

Pengenalan

Panduan ini mengandungi maklumat asas yang perlu diketahui oleh peruncit bagi mengendali, menyediakan, menyimpan serta mempamer keluaran pertanian segar yang berkualiti untuk pemasaran.


Panduan ini bertujuan untuk memastikan bahawa keluaran pertanian segar yang ditawarkan kepada pengguna adalah berkualiti dan dilabel dengan betul.

Ia juga menjelaskan mengenai tanggungjawab dan etika yang perlu diamalkan oleh peruncit berdasarkan Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008.

KEPERLUAN PERUNDANGAN

Peruncit hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008 atau dikenali sebagai Peraturan GPL bagi keluaran pertanian yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Peraturan.

Mana-mana peruncit yang tidak mematuhi peraturan ini boleh dikenakan tindakan di bawah Akta 141 dan Peraturan GPL.



SIAPAKAH PERUNCIT?

- Peniaga secara sedikit-sedikit (terus kepada pengguna), peniaga runcit. (Kamus Dewan Edisi Keempat)
- Runcit ialah penjualan barang atau dagangan dari sesuatu tempat yang tetap atau menerusi pos, dalam kuantiti yang kecil untuk kegunaan pembeli.
- Peniaga runcit merangkumi peniaga pasaraya, pasar awam, kios, pasar malam, pasar tani, kedai runcit, gerai tepi jalan dan yang menggunakan kenderaan bagi menjual keluaran pertanian.

PELABELAN RUNCIT KELUARAN PERTANIAN

- Suatu label yang ditanda pada suatu bungkusan keluaran pertanian atau pada apa-apa benda yang dilekatkan pada suatu bungkusan hendaklah:
 - bersaiz tidak kurang daripada 11 sentimeter kali 7 sentimeter;
 - ditanda dengan kemas dan mudah dilihat di permukaan sebelah atas atau sisi bungkusan;


- dalam penghurufan yang tidak kecil daripada 20 poin; dalam huruf besar kesemuanya atau huruf kecil kesemuanya atau huruf kecil yang awalnya dalam huruf besar;
- dalam warna yang kontras dengan latar belakangnya; dalam bahasa kebangsaan dan boleh memasukkan terjemahan dalam bahasa lain serta mengandungi butiran berikut:
 - i nama biasa keluaran pertanian;
 - ii gred keluaran pertanian;
 - iii saiz keluaran pertanian; dan
 - iv negara asal keluaran pertanian bagi yang diimport manakala daerah/negeri untuk keluaran pertanian tempatan.
- Bagi keluaran pertanian yang hendak **dijual dalam bungkusannya bersaiz kecil**, dibenarkan untuk menggunakan label yang bersaiz kurang daripada 11cm x 7cm dengan syarat penghurufan hendaklah **tidak kecil daripada 2 poin**.
- Mana-mana keluaran pertanian bagi tujuan jualan tanpa dibungkus, butiran label hendaklah dipamerkan berdekatan keluaran pertanian.

Nota: Sebarang logo atau bendera tidak dibenarkan untuk menggantikan nama negara asal keluaran pertanian.

SUMBER MAKLUMAT LABEL RUNCIT

- Bagi peruncit yang memasarkan hasil tanaman sendiri, peruncit perlu meletakkan maklumat label termasuk gred dan saiz berdasarkan standard sedia ada.
- Bagi keluaran pertanian yang dibeli daripada pekebun kecil, peruncit perlu mendapatkan maklumat berkaitan daripada pekebun untuk pengisian label.
- Bagi keluaran pertanian yang diimport atau yang mempunyai bungkusan, maklumat label runcit boleh diperolehi daripada label yang terdapat pada pembungkusan tersebut.

CONTOH PENGAMBILAN MAKLUMAT DARIPADA PEMBUNGKUSAN

			
Nama Keluaran Pertanian	Mangga		
Gred	Premium	1	2
Saiz	M		
Asal	Perlis		





GPL

Nama Keluaran Pertanian	Halia		
Gred	Premium	1	2
Saiz	L		
Asal	China		

APAKAH ITU PENGREDAN?

Penggredan adalah aktiviti mengasing dan mengelaskan keluaran pertanian mengikut kualiti, berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan dalam standard.



BAGAIMANAKAH MENENTUKAN GRED?

5 KRITERIA PENILAIAN

01

Kesegaran

Kematangan

02

03

Keseragaman Saiz

Kecacatan

04

05

Kerosakan

KEPERLUAN KUALITI MINIMUM

Keluaran pertanian segar hendaklah:

Segar, bersih,
agak bebas
daripada rosak
dan kecacatan.

Mencapai peringkat
pembentukan yang
sempurna mengikut
ciri-ciri varieti dan
kawasan di mana
ianya ditanam.

Mempunyai
varieti
yang sama
dalam satu
bungkusan.

GRED KELUARAN PERTANIAN

Gred keluaran pertanian segar biasanya diklasifikasikan kepada tiga (3) iaitu:



Walau bagaimanapun terdapat juga gred keluaran pertanian segar yang diklasifikasikan kepada dua (2) iaitu Gred 1 dan Gred 2 untuk sayur berdaun.

Penerangan ringkas gred:

GED Premium

- ✓ Segar, bersih, **bebas** daripada rosak dan/atau; kecacatan.
- ✓ Kematangan seragam.
- ✓ Saiz yang seragam.
- ✓ Varieti yang sama.



GRED 1

- ✓ Segar, bersih, **agak bebas** daripada rosak dan/atau; kecacatan.
- ✓ Kematangan seragam.
- ✓ Saiz yang seragam.
- ✓ Varieti yang sama.



GRED 2



- ✓ Segar, bersih, **agak bebas** daripada rosak dan/atau; kecacatan.
- ✓ Kematangan seragam.
- ✓ Saiz yang seragam.
- ✓ Varieti yang sama.

Perbezaan antara gred 1 dan 2 adalah kadar kelonggaran maksimum.

TANGGUNGJAWAB DAN ETIKA PERUNCIT



TINDAKAN PERUNCIT APABILA BERLAKU PENURUNAN KUALITI

1

Menukarkan maklumat gred keluaran pertanian dilabel ke gred semasa.

2

Mengeluarkan keluaran pertanian yang kualitinya tidak boleh diterima pasaran dari rak pameran.

3

Bagi keluaran pertanian diluar gred yang masih mempunyai permintaan, hendaklah dilabel sebagai “**luar gred**” di ruangan gred dan diasingkan dari rak pameran utama.



TAHUKAH ANDA?

Terdapat 2 kategori jenis buah

1. Buah klimakterik

- Menghasilkan lebih banyak etilena dan akan meneruskan proses pemasakan selepas dituai.



Tembikai
wangi



Pisang



Tomato



Epal



Mangga



Pic



Pir



Avakado

2. Buah bukan klimakterik

- Menghasilkan sedikit etilena dan tidak meneruskan proses pemasakan selepas dituai.



Tembikai



Anggur



Citrus



Strawberi

Kaedah penyimpanan buah/sayur:

- Buah klimakterik tidak digalakkan diletak bersama buah bukan klimakterik kerana tindakbalas terhadap gas etilena boleh mempercepatkan proses pemasakan.
- Buah/sayur yang mempunyai keperluan suhu penyimpanan dan kelembapan yang berbeza juga tidak boleh diletakkan bersama dalam satu ruang penyimpanan.

Antara Faktor Penurunan Kualiti Keluaran Pertanian Segar



Metabolik

Proses penuaan normal yang menyebabkan kemerosotan rupa bentuk pada buah/sayur.



Transpirasi

Kehilangan air menyebabkan buah/sayur layu atau kecut.



Mikroorganisma

Mengandungi kulat bertindak sebagai ejen pereput.



Kecederaan mekanikal

Pengendalian buah/sayur yang boleh merosakkan keluaran pertanian.

SOALAN-SOALAN LAZIM

- Bolehkah saya mencampurkan pelbagai warna untuk cili manis/cili sayur/capsicum di dalam satu bungkusan yang sama untuk tujuan jualan?

Boleh dicampurkan bersama dalam satu bungkusan dengan syarat daripada varieti yang sama.



- Apakah yang dimaksudkan kematangan seragam keluaran pertanian?


Kematangan seragam ialah keluaran pertanian yang mempunyai satu indeks warna atau gabungan indeks warna yang berturutan seperti 2 dan 3, 3 dan 4 dan sebagainya dalam pembungkusan.

- Adakah peruncit boleh menjual keluaran pertanian yang di luar gred dan dipamerkan untuk jualan?

Boleh, keluaran pertanian tersebut hendaklah dilabel “Luar Gred” dan diasingkan dari rak pameran utama.

- Bagi sayur berdaun yang tidak mempunyai saiz bagaimanakah cara mengisi maklumat label di ruangan saiz?

Sayur berdaun yang tidak mempunyai pengelasan saiz hendaklah diletakkan simbol “ – ” bagi tandaan di ruang saiz di label.

		
Nama Keluaran Pertanian	Sawi	
Gred	1	2
Size	-	
Asal	Ulu Yam, Selangor	

KELUARAN PERTANIAN YANG PERLU DILABEL BERDASARKAN PERATURAN GPL

SAYUR SEGAR	
Nama Biasa	Nama Botani
Asam susur	<i>Hibiscus sabdariffa</i> L.
Asparagus	<i>Asparagus officinalis</i> L.
Batang keladi	<i>Colocoasia esculenta</i> Lin.
Bawang	<i>Allium cepa</i> L.
Bayam cina	<i>Spinacia oeracea</i> L.
Bendi	<i>Abelmoschus esculentus</i> L. Moench.
Brokoli	<i>Brassica oleracea</i> var. <i>italica</i>
Cekurmanis	<i>Sauropus androgynus</i> (L.) Merr
Cendawan tiram	<i>Lentinus sajor-caju</i> (Fr.) Fr.

SAYUR SEGAR

Nama Biasa	Nama Botani
Cili	<i>Capsicum annum</i> L.
Cili sayur	<i>Capsicum annum</i> L. var. <i>grossum</i>
Daun bawang	<i>Allium fistulosum</i> L.
Daun ketumbar	<i>Coriandrum sativum</i> L.
Daun saderi	<i>Apium graveolens</i> L.
Halia	<i>Zingiber officinale</i> Roscoe
Jagung	<i>Zea mays</i> L.
Jering	<i>Archidendron jiringa</i> (Jack) Nielsen
Kacang botor	<i>Psophocarpus tetragonolobus</i> (L.) DC.
Kacang buncis	<i>Phaseolus vulgaris</i> L.
Kacang panjang	<i>Vigna unguiculata</i> ssp. <i>Sesquipedalis</i> (L.) Verdc. Syn. <i>Vigna sinensis</i> Savi ex Hausskn
Kacang panjang renek	<i>Vigna unguiculata</i> sub. sp. <i>unguiculata</i>
Kacang serinding	<i>Phaseolus lunatus</i>

SAYUR SEGAR

Nama Biasa	Nama Botani
Kacang soya hijau	<i>Glycine max C.</i>
Kacang wangi	<i>Pisum sativum L.</i>
Kailan	<i>Brassica alboglabra Bailey</i>
Kangkung	<i>Ipomoea aquatica Forssk.</i>
Kantan	<i>Etilingera elatior (Jack) R. M. Smith</i>
Kauki	<i>Lycium chinense Mill.</i>
Ketola	<i>Luffa acutangular (L.) Roxb.</i>
Kubis	<i>Brassica oleracea L.</i>
Kubis bulat	<i>Brassica oleracea L.</i>
Kubis cina	<i>Brassica napus L.</i>
Kuca	<i>Allium tuberosum Rottler ex Spreng.</i>
Kundur	<i>Benincasa hispida (Thunb.ex Murr.) Cogn</i>

SAYUR SEGAR

Nama Biasa	Nama Botani
Kunyit	<i>Curcuma longa</i> L.
Labu	<i>Cucurbita pepo</i> L.
Lada besar	<i>Capsicum annum</i> L.
Lengkuas	<i>Alpinia galangal</i> (L.) Willd. Syn. <i>Languas galanga</i> (L.) Stuntz
Lekio	<i>Allium chinense</i> G. Don
Lobak merah	<i>Daucas carota</i> L.
Lobak putih	<i>Raphanus sativus</i> L.
Maman	<i>Cleome gynandra</i> L.
Tike	<i>Eleocharis dulcis</i>
Mengkudu besar	<i>Morinda citrifolia</i> L.
Pasli	<i>Petroselinum crispum</i> var <i>tuberosum</i>
Pegaga	<i>Centella asiatica</i> L. Urb.

SAYUR SEGAR

Nama Biasa	Nama Botani
Peria	<i>Momordica charantia</i> L.
Petai	<i>Parkia speciose</i> Hassk.
Pucuk paku	<i>Diplazium esculentum</i> (Retz.) Sw.
Pudina	<i>Mentha arvensis</i> L.
Rebung	<i>Bambusa spp.</i>
Remayung	<i>Basella alba</i> L.
Salad bulat	<i>Lactuca sativa</i> L.
Sawi	<i>Brassica napus</i> L.
Selada air	<i>Nasturtium officinale</i> R.Br.
Sengkuang	<i>Pachyrhizus tuberosus</i> (Lam.) Spreng
Serai	<i>Cymbopogon citratus</i> (DC.) Stapf
Bayam (poh choy)	<i>Spinacia oleracea</i> L.
Tauge	<i>Vigna radiata</i> (L.) R.Wilczek Syn. <i>Phaseolus aureus</i> Roxb.

SAYUR SEGAR

Nama Biasa	Nama Botani
Teratai	<i>Nelumbo nucifera</i> Gaertn.
Terung	<i>Solanum melongena</i> L.
Timun	<i>Cucumis sativus</i> L.
Tomato	<i>Lycopersicum esculentum</i> Mill.
Tong ho	<i>Glebionis coronaria</i> (L.) Cass. Ex Spach
Turnip	<i>Brassica rapa Rapifera group</i>
Ubi bit	<i>Beta vulgaris</i> L.
Ubi kayu	<i>Manihot esculenta</i> Crantz
Ubi keladi	<i>Colocasia esculenta</i>
Ubi keledak	<i>Ipomoea batatas</i>
Ubi kentang	<i>Solanum tuberosum</i> Linn
Ulam raja	<i>Cosmos caudatus</i> Kunth

BUAH-BUAHAN SEGAR

Nama Biasa	Nama Botani
Anggur	<i>Vitis vinifera</i> L.
Aprikot	<i>Prunus armeniaca</i>
Avokado	<i>Persea Americana</i> Mill.
Bacang	<i>Mangifera foetida</i> (Lour.) Blume
Belimbing	<i>Averrhoa carambola</i> L.
Betik	<i>Carica papaya</i> L.
Betik (eksotika)	<i>Carica papaya</i> L. var. <i>Eksotika</i>
Bidara	<i>Zizyphus mauritina</i> Lamk.
Cempedak	<i>Artocarpus integer</i> (Thunb.) Merr.
Ceri	<i>Prunus avium</i>
Ciku	<i>Manilkara zapota</i> (L.) van Royen
Delima	<i>Punica granatum</i> L.
Dokong	<i>Lansium domesticum</i>

BUAH-BUAHAN SEGAR

Nama Biasa	Nama Botani
Duku	<i>Lansium domesticum</i> (Osbeck) Sahni & Bennet
Duku langsung	<i>Lansium domesticum</i> (Osbeck) Sahni & Bennet
Durian	<i>Durio zibethinus</i> L.
Durian belanda	<i>Annona muricata</i> L.
Epal	<i>Malus domestica</i> Borkh.
Jambu air	<i>Syzygium aqueum</i> (Burm.f.) Alst.
Jambu batu	<i>Psidiurn guajava</i> L.
Jambu bol	<i>Syzygium malaccensis</i> (L.) Merr. & Perry
Kedondong	<i>Spondias Cytherea</i> Sonn.
Kismis	<i>Vitis vinifera</i>
Kuini	<i>Mangifera odorata</i> Griff.
Kundang	<i>Bouea macrophylla</i> Griff.
Kurma	<i>Phonex dactylifera</i> L.

BUAH-BUAHAN SEGAR

Nama Biasa	Nama Botani
Laici	<i>Litchi chinensis</i> Sonn.
Langsat	<i>Lansium domesticum</i>
Limau	<i>Citrus</i> sp.
Limau mandarin	<i>Citrus reticulata</i> Blanco
Lokuat	<i>Eriobotry japonica</i> (Thunb.) Lindl.
Mangga	<i>Mangifera indica</i> L.
Manggis	<i>Garcinia mangostana</i> L.
Markisa	<i>Passiflora edulis</i>
Mata kucing	<i>Dimocarpus longan</i> ssp. <i>Longan</i> Leenh. Var. <i>longan</i>
Nangka	<i>Artocarpus heterophyllus</i> Lam.
Nona	<i>Annona reticulata</i> L.
Oren	<i>Citrus</i> sp.
Pala	<i>Myristica fragrans</i> Houtt.
Pear	<i>Pyrus</i> sp.

BUAH-BUAHAN SEGAR

Nama Biasa	Nama Botani
Pic	<i>Prunus persica</i>
Pisang	<i>Musa L.</i>
Pisang kaki	<i>Diospyros kaki L.f.</i>
Pisang mas	<i>Musa sapientum cv. mas</i>
Pitaya	<i>Hylocereus undatus</i> (Haw.) Britton & Roses
Plum	<i>Prunus domestica</i>
Pulasan	<i>Nephelium ramboutan – ake</i> (Labill.) Leenh.
Rambai	<i>Baccaurea motleyana</i> Muell. Arg.
Rambutan	<i>Nephelium lappaceum L.</i>
Strawberi	<i>Fragaria vesca L.</i>
Salak	<i>Salacca zalacca</i> (Gaertn.) Voss
Sukun	<i>Artocarpus altilis</i> (Parkin.) Fosb.
Tembikai	<i>Citrullus lanatus</i> (Thunb). Mansf.
Tembikai wangi	<i>Cucumis melo L.</i>

KERATAN BUNGA SEGAR

Nama Biasa	Nama Botani
Kekwa (multifloral)	<i>Chrysanthemum morifolium</i>
Orkid (jenis jambak)	<i>Keluarga Orchidacea</i>
Ros (unifloral)	<i>Genus Rosa</i>
Ros (multifloral)	<i>Genus Rosa</i>
Teluki (unifloral)	<i>Dianthus caryophyllus</i>
Teluki (multifloral)	<i>Dianthus caryophyllus</i>
KEKACANG	
Kacang tanah (berkulit)	<i>Arachis hypogaea L.</i>
Kacang tanah (isi)	<i>Arachis hypogaea L.</i>
Kelapa	<i>Cocos nucifera L.</i>
Biji kopi	<i>Coffea arabica L.</i>
Tebu	<i>Saccharum officinarum L.</i>



GRADING • PACKAGING • LABELLING
PengGredan • Pembungkusan • PeLabelan

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
Bangunan FAMA Point, Lot 17304 Jalan Persiaran 1,
Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel:03-6126 2020 Faks:03-6138 5200
Laman Web: www.fama.gov.my